

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/1992**

**Oktober/November 1991**

**EBB 202/4 - Kristalografi Dan Ikatan Dalam Pepejal**

**Masa : [3 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** mukasurat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **TUJUH** soalan semuanya.

Jawab **LIMA** dari tujuh soalan.

Semua soalan **MESTILAH** dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. [a] Terangkan dengan ringkas sebutan-sebutan berikut dalam konteks kristalografi.

- i) titik kekisi
- ii) kekisi ruang
- iii) simetri putaran

( 6 markah)

[b] Senaraikan lima kekisi-kekisi satah yang berlainan dan unsur-unsur simetri yang mencirikannya.

( 5 markah)

[c] Tuliskan langkah-langkah untuk menentukan indeks Miller dan Miller-Bravais. Senaraikan semua satah-satah yang dippunyai oleh keluarga {100} dalam sistem kiub.

( 9 markah)

2. [a] Aluminium adalah kiub berpusat muka dengan pemalar kekisi 'a' 0.4049nm. Tungsten adalah kiub berpusat jasad dengan pemalar kekisi 'a' 0.3158 nm. Kirakan jarak antara satah setiap berikut.

- i)  $d_{110}$
- ii)  $d_{111}$
- iii)  $d_{220}$

( 6 markah)

[b] Apakah satah-satah yang tersusun-padat dalam;

- i) Struktur kiub berpusat muka
- ii) Struktur susunan padat heksagonal

( 2 markah)

[c] Lukiskan satah-satah hablur heksagonal yang indeks Miller-Bravaisnya seperti berikut:

- i)  $(10\bar{1}1)$
- ii)  $(01\bar{1}1)$
- iii)  $(\bar{1}2\bar{1}0)$
- iv)  $(1\bar{2}12)$
- v)  $(2\bar{1}\bar{1}1)$
- vi)  $(1\bar{1}01)$

( 6 markah)

[d] Terbitkan Hukum Bragg's dengan menggunakan kes mudah alur tuju sinar-x yang dibelaukan oleh satah-satah selari dalam suatu hablur dan bagaimanakah anda boleh bedakan antara gangguan memusnah dan gangguan membina bagi alur sinar-x yang dibalikkan melalui hablur.

( 6 markah)

3. [a] Takrifkan sebutan-sebutan berikut:

- i) Sel unit kiub berpusat jasad
- ii) Sel unit kiub berpusat muka
- iii) Sel unit susunan-padat-heksagonal
- iv) Faktor pemedatan atom

( 4 markah)

[b] Faktor pemasatan atom bagi struktur susunan padat heksagonal ialah 0.74, sama seperti struktur hablur kiub berpusat muka, oleh kerana di dalam kedua-dua struktur tersebut, atom-atom tersusun dengan sepadat mungkin.

- i) Berapakah atom-atom per sel unit terdapat di dalam struktur hablur susunan padat heksagonal?
- ii) Apakah nombor penyelarasan untuk atom-atom dalam struktur hablur susunan padat heksagonal?
- iii) Apakah nisbah unggul ' $c/a$ ' untuk logam susunan padat heksagonal
- iv) Untuk logam-logam susunan padat heksagonal berikut, yang manakah mempunyai nisbah yang lebih tinggi atau lebih rendah dari nisbah unggul Zr, Ti, Zn, Mg, Co, Cd dan Be?

( 8 markah)

[c] Kedua-dua logam kobalt dan zirkonium adalah mempunyai susunan padat heksagonal pada  $20^{\circ}\text{C}$ . Kobalt mempunyai jejari atom 0.125 nm, dan zirkonium mempunyai pemalar kekisi ' $c$ ' 0.4148 nm dan nisbah ' $c/a$ 'nya adalah 1.593.

- i) Kirakan nilai isipadu sel unit kobalt dengan menganggap faktor pemasatan sebagai 0.74.
- ii) Kirakan nilai angkatap kekisi ' $a$ ' zirkonium dalam unit manometer.

( 8 markah)

4. [a] Pengetahuan kita pada masa ini tentang struktur hablur didapati dari teknik pembelauan sinar-x yang menggunakan sinar-x dengan jarak gelombang sama seperti jarak antara satah-satah kekisi hablur.

Huraikan bagaimana sinar-x dihasilkan untuk tujuan-tujuan eksperimen dan bincangkan cara-cara sinar-x dibelaukan dalam hablur.

**10**

(15 markah)

- [b] Satu sampel logam kiub berpusat jasad diletakkan di dalam 'difraktometer' sinar-x yang menggunakan alur tuju sinar-x dengan jarak gelombang =  $0.1541\text{ nm}$ . Pembelauan daripada satah-satah {220} telah didapati pada  $2\theta = 82.550^\circ$ . Kirakan nilai untuk pemalar kekisi 'a' bagi unsur logam kiub yang berpusat jasad ini. (Anggapkan pembelauan dengan tertib pertama  $n = 1$ ).
- ( 5 markah)
5. [a] Huraikan 2 faktor penting yang mesti diambil kira dalam padatan ion-ion dalam satu hablur ion dan tunjukkan bagaimana faktor pemanjatan atom (APF) untuk kiub berpusat muka mempunyai nilai 0.68 dan susunan padat heksagonal mempunyai nilai 0.74.
- ( 4 markah)
- [b] Jelaskan ikatan dwikutub turun-naik di antara atom-atom gas nadir neon. Antara gas-gas nadir kripton dan xenon, yang mana satukah yang mempunyai momen dwikutub yang paling kuat dan mengapa?
- ( 4 markah)
- [c] Untuk setiap sebatian berikut, nyatakan sama ada iaanya ikatan logam kovalen, ion, Van der Walls atau hidrogen.
- i) Ni
  - ii)  $\text{ZrO}_2$
  - iii) Grafit
  - iv) Pepejal  $\text{K}_r$
  - v) Si
  - vi) BN
  - vii) SiC
  - viii)  $\text{FeI}_2\text{O}_3$
  - ix) MgO
  - x) W
  - xi) Antara Molekul-molekul  $\text{H}_2\text{p}$  dan
  - xii) Antara molekul-molekul air ( $\text{H}_2\text{O}$ )

Jika ikatan ion atau kovalen yang terlibat dalam mana-mana sebatian-sebatian di atas, kirakan peratus cirian ion dalam sebatian tersebut.

(12 markah)

6. Kutub A, dengan koordinatnya  $20^{\circ}U$ ,  $50^{\circ}T$  diputarkan mengikut paksi-paksi yang diterangkan di bawah. Dalam setiap kes, carikan koordinat-koordinat kedudukan terakhir kutub A dan tunjukkan haluan surih semasa putaran.

- [a] Putaran  $100^{\circ}$  paksi US, lawan pusingan jam dilihat daripada U ke S.
- [b] Putaran  $60^{\circ}$  dengan paksi normal kepada unjuran satah, pusingan jam kepada pemerhati.
- [c] Putaran  $60^{\circ}$  tercondong paksi B, yang mempunyai koordinat  $10^{\circ}S$ ,  $30^{\circ}B$ , pusingan jam pada pemerhati.

(20 markah)

7. Satu carta perekod difraktormeter sinar-x untuk satu unsur yang mana mempunyai sama ada struktur hablur kiub berpusat jasad atau kiub berpusat muka ditunjukkan oleh puncak-puncak pembelauan pada sudut 20 berikut:

$$42.171^{\circ}, 61.160^{\circ}, 77.079^{\circ} \text{ dan } 92.046^{\circ}$$

(Jarak gelombang  $\lambda$  sinaran alur tuju =  $0.15406 \text{ nm}$ )

- [a] Tentukan struktur hablur unsur
- [b] Tentukan pemalar kekisi unsur
- [c] Kenalpastikan unsur tersebut

(20 markah)

-oooOooo-